



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MRANTI PERLUAS INISIATIF AI CONNECT KE SABAH – MEMPERKASA PENERAPAN AI SECARA INKLUSIF DI SELURUH MALAYSIA

KOTA KINABALU, 10 November 2025 – Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini melancarkan AI Connect: Edisi Sabah dengan kerjasama Institute for Development Studies (IDS) Sabah, Sabah Creative Economy and Innovation Centre (SCENIC), serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI Sabah).

Penganjuran edisi wilayah bagi program AI Connect ini berlangsung di Marriott Hotel Kota Kinabalu, menandakan satu usaha penting ke arah mempercepat penerimgunaan dan pembangunan inovasi Kecerdasan Buatan (AI) di seluruh negara.

Program selama dua hari ini bertujuan memperkukuh kerjasama antara agensi kerajaan, akademik, industri dan syarikat pemula bagi membangunkan penyelesaian berpaksikan AI yang menyokong keutamaan ekonomi Sabah dalam sektor pertanian, pelancongan, pembuatan dan perkhidmatan. Berteraskan National Technology and Innovation Sandbox (NTIS), inisiatif ini menzahirkan komitmen MOSTI dan MRANTI untuk memastikan inovasi dan transformasi digital dilaksanakan secara saksama di seluruh wilayah.

Bercakap pada majlis pelancaran, YB Dato' Dr. Mohamad Yusof Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata Sabah mempunyai potensi besar sebagai peneraju pertumbuhan AI di luar Lembah Klang.

“Sabah mempunyai sumber, bakat dan aspirasi untuk muncul sebagai antara peneraju AI di Malaysia. Melalui MRANTI AI Connect, kita bukan sahaja membina kesediaan digital, malah memperkasa keupayaan tempatan supaya Sabah bukan sekadar pengguna, tetapi pencipta penyelesaian AI untuk negara dan rantau ini,” katanya.

Beliau menambah, Malaysia dijangka menerima RM169.2 bilion pelaburan berkaitan AI dan infrastruktur data menjelang tahun 2030, dengan sumbangan AI diunjur melebihi RM60 bilion kepada KDNK negara.

Malaysia turut berada di tangga kedua ASEAN dalam kesediaan kerajaan terhadap AI, menunjukkan kekuatan negara dari segi tadbir urus data, ekosistem inovasi dan keupayaan teknologi.

Sementara itu, Ketua Pegawai Ekosistem MRANTI, Mohd Safuan Mohd Zairi, berkata peluasan AI Connect ke Sabah mencerminkan mandat MRANTI untuk menghubungkan idea kepada impak melalui kolaborasi strategik nasional dan wilayah.

“Kita hadir untuk menghubungkan inovator, syarikat pemula dan industri di Sabah dengan ekosistem nasional – termasuk NTIS, MySTI dan MATCH. Matlamatnya adalah supaya idea bernilai di Sabah tidak terasing, tetapi diuji, disahkan dan dikembangkan ke peringkat nasional dan seterusnya,” katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa melalui AI Connect, MRANTI menyasarkan untuk mengesahkan lima penyata masalah yang disahkan negeri, memulakan projek rintis dalam tempoh setahun, serta membangunkan rangkaian bakat dan pemimpin AI tempatan.

“AI Connect bukan teknologi untuk teknologi semata-mata; ia adalah tentang penyelesaian yang memberi hasil nyata – peningkatan produktiviti industri, pengukuhan PKS dan peluang pekerjaan berkualiti tinggi untuk bakat tempatan,” ujarinya.

Edisi Sabah ini merupakan pelaksanaan wilayah pertama selepas pelancaran nasionalnya di MRANTI Park, Kuala Lumpur pada Ogos 2025. Inisiatif ini selari dengan Rangka Tindakan AI Kebangsaan 2021–2025, Kerangka MySTI, dan agenda Ekonomi MADANI yang menekankan pembangunan teknologi secara inklusif dan lestari.

Pelaksanaan ini juga diperkukuh dengan sokongan strategik National Artificial Intelligence Office (NAIO) dalam menyelaras hala tuju pembangunan AI negara. Kerjasama ini memastikan pelaksanaan AI Connect selari dengan dasar nasional,

termasuk standard keselamatan teknologi, tadbir urus data serta pembangunan bakat dan pada masa yang sama memberi ruang kepada inovasi untuk diuji dan ditambah baik di peringkat wilayah.

Melalui kerjasama dengan IDS Sabah, SCENIC dan KSTI Sabah, penerimgunaan AI di Sabah dipastikan berfokus kepada kesan yang dapat diukur dan memberi nilai langsung kepada masyarakat serta ekonomi.

MRANTI melalui AI Connect juga menyasarkan untuk:

- Melatih dan menempatkan 50 AI Fellows di seluruh negara
- Membentuk kerjasama dengan lebih 30 syarikat sebagai penggerak awal solusi AI
- Melaksanakan lima edisi wilayah menjelang 2026 bagi memastikan manfaat inovasi sampai ke seluruh negeri

Kesemua usaha ini diperkukuh melalui kesinambungan pipeline pengkomersialan yang menghubungkan NTIS, MySTI dan MATCH bagi memastikan penyelesaian AI tempatan dapat disahkan, dikembangkan dan dikomersialkan dengan berkesan.

“Dengan memperluas AI Connect ke Sabah, MRANTI memastikan setiap wilayah mempunyai ruang untuk menyumbang dan menikmati manfaat daripada ekosistem AI negara,” kata Mohd Safuan. “Inilah cara kita menjadikan inklusiviti sebagai inovasi dan inovasi sebagai impak.”

TAMAT

BERKENAAN MALAYSIAN RESEARCH ACCELERATOR FOR TECHNOLOGY AND INNOVATION (MRANTI)

Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation - MRANTI, merupakan agensi pusat pengkomersialan penyelidikan Malaysia yang mempercepatkan pembangunan inovasi teknologi daripada idea ke impak.

MRANTI berfungsi sebagai penyambung, inkubator dan pemangkin bagi membolehkan idea peringkat awal hingga ke tahap entiti matang untuk dikomersialkan dan berkembang. MRANTI menawarkan capaian kepada infrastruktur bersepadu bertaraf dunia, intervensi dan program, kerjasama dan pelbagai rangkaian sumber kepada inovator dan industri.

Dalam usaha ini, MRANTI mensasarkan untuk meningkatkan saluran bekalan inovasi Malaysia, dan menghasilkan nilai R&D baharu dengan memastikan peralihan yang berkesan dalam kitaran hayat pengkomersialan. Ia juga akan menghubungkan ahli akademik dengan industri serta sektor awam untuk menyelaraskan usaha R&D yang dipacu pasaran untuk hasil yang berteraskan misi.

MRANTI yang beribu pejabat di MRANTI Park, merupakan sebuah hab inovasi 4IR seluas 686 ekar di Kuala Lumpur, menyokong pertumbuhan kluster pembuatan pintar, bioteknologi, agrotek, bandar pintar, teknologi hijau dan kluster teknologi pembolehan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://mranti.my/>

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Aditya Adri Saleh Ab Rahim
Director, Strategic Communications
+60 13-666 6667
adit@mranti.my

Syarifah Farhana Syed Nokman
PR & Comms
farhanasyed@mranti.my



PRESS RELEASE

MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY, AND INNOVATION

MRANTI EXPANDS AI CONNECT INITIATIVE TO SABAH – ACCELERATING INCLUSIVE AI ADOPTION ACROSS MALAYSIA

KOTA KINABALU, 10 November 2025 — The Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (**MRANTI**), under the **Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)**, today **launched the AI Connect: Sabah Edition** in collaboration with the **Institute for Development Studies (IDS) Sabah**, the **Sabah Creative Economy and Innovation Centre (SCENIC)**, and the **Ministry of Science, Technology and Innovation Sabah (KSTI Sabah)**.

The regional edition of MRANTI's flagship **AI Connect initiative** was **held at the Marriott Hotel in Kota Kinabalu**, marking a significant milestone in Malaysia's efforts to **accelerate the adoption and innovation of Artificial Intelligence (AI)** across the nation.

The two-day programme **aimed to strengthen collaboration** among government agencies, academia, industry, and startups in co-creating AI-driven solutions tailored to Sabah's economic priorities in **agriculture, tourism, manufacturing, and services**. Anchored under the **National Technology and Innovation Sandbox (NTIS)**, the initiative **reinforces** the commitment of MOSTI and MRANTI to ensuring that innovation and digital transformation extend equitably across all regions of Malaysia.

Speaking at the launch, **YB Dato' Dr. Mohamad Yusof Apdal**, Deputy Minister of Science, Technology and Innovation, said that Sabah's growing economy and investment readiness make it a natural choice for scaling Malaysia's AI ecosystem beyond the Klang Valley.

“Sabah has the resources, talent, and ambition to become one of Malaysia’s key AI frontiers. Through MRANTI AI Connect, we are not only building digital readiness – we are nurturing local capability so that Sabah becomes not just a user, but a creator of AI solutions for the nation and the region,” said YB Dato’ Dr. Mohamad Yusof Apdal.

He added that Malaysia is projected to receive **RM169.2 billion in AI and data infrastructure investments by 2030**, with AI expected to contribute over **RM60 billion to the national GDP**. The Deputy Minister also highlighted that Malaysia ranks **second in ASEAN for AI Government Readiness**, reflecting the nation’s growing strength in governance, data infrastructure, and innovation capabilities.

According to **Mohd Safuan Mohd Zairi**, MRANTI’s **Chief Ecosystem Officer**, the expansion of AI Connect to Sabah underscored MRANTI’s mission to **turn ideas into impact** through national and regional collaboration.

“We’re here to connect Sabah’s innovators, startups, and industries with the national ecosystem – linking them directly with NTIS, MySTI, and MATCH. This ensures that great ideas in Sabah don’t remain isolated, but are tested, validated, and scaled nationally and beyond,” said Mohd Safuan.

He noted that through **AI Connect**, MRANTI **aims to validate five state-endorsed problem statements, launch pilot projects within a year, and develop a pipeline of local AI talent and champions**. “AI Connect is not about technology for technology’s sake; it’s about creating real, measurable outcomes – better productivity for industries, stronger SMEs, and high-quality job opportunities for local talent,” he added.

The **Sabah Edition** marked the first regional rollout of MRANTI AI Connect following its national launch in August 2025 at MRANTI Park, Kuala Lumpur. The initiative is anchored under the **NTIS** – enabling innovators to test, validate, and scale AI solutions with regulatory and funding support from MOSTI. It also aligns with key national frameworks, including the **National AI Roadmap 2021–2025, MySTI Framework**, and the **MADANI Economy**, which emphasise inclusive and sustainable technological advancement.

This implementation is further strengthened by the strategic support of the **National Artificial Intelligence Office (NAIO)** in coordinating the national direction for AI development. This collaboration ensures that AI Connect is aligned with national policies, including technology safety standards, data governance and talent development, while also providing space for innovation to be tested, validated and refined at the regional level.

In collaboration with **state partners** — **IDS Sabah, SCENIC, and KSTI Sabah** — MRANTI is ensuring that AI adoption in Sabah is both meaningful and measurable, driving real economic and social impact across sectors.

Through MRANTI AI Connect, MRANTI is laying the groundwork for Malaysia's future as an AI-enabled nation. The initiative aims to train and deploy **50 AI Fellows** nationwide under the AI Fellowship Programme, build partnerships with more than **30 corporations** as early adopters of AI, and roll out **five regional editions by 2026** to ensure that every state benefits from equitable access to innovation.

These efforts are strengthened through a fully aligned commercialisation pipeline connecting **NTIS, MySTI, and MATCH**, ensuring that AI solutions developed in Malaysia can be validated, scaled, and commercialised effectively.

“By expanding AI Connect into Sabah, MRANTI is ensuring that every region of Malaysia has the opportunity to contribute to, and benefit from, our national AI ecosystem,” said Mohd Safuan. “This is how we turn inclusion into innovation, and innovation into impact.”

END

ABOUT THE MALAYSIAN RESEARCH ACCELERATOR FOR TECHNOLOGY AND INNOVATION (MRANTI)

The Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI), a convergence of Technology Park Malaysia (TPM) Corporation Sdn Bhd and the Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC), is Malaysia's central research commercialisation agency that fast-tracks the development of technology innovations from ideas to impact.

MRANTI serves as a connector, incubator, and catalyst to enable early-stage ideation to mature into mature entities that can commercialise and scale. MRANTI offers innovators and industry access to world-class integrated infrastructure, interventions & programmes, partnerships, and a suite of resources. In doing so, MRANTI aims to expand Malaysia's innovation supply funnel and unlock new R&D value by ensuring effective transitions in the commercialization lifecycle. It will also link academia with industry and the public sector to streamline market-driven R&D efforts for mission-based outcomes.

MRANTI is headquartered at MRANTI Park, an extensive 686-acre 4IR innovation hub in Kuala Lumpur, which supports the growth of smart manufacturing, biotech, agritech, smart city, green tech, and enabling technology clusters.

For more information, please visit <http://mranti.my/>

For media inquiries, please contact:

Aditya Adri Saleh Ab Rahim

Director, Strategic Communications

+60 13-666 6667

adit@mranti.my

Syarifah Farhana Syed Nokman

PR&Comms

farhanasyed@mranti.my